

Raja Perlis lancar biografi kedua Ahmad Rithauddeen

Um/24-10-13/14/1/1/1

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan melancarkan biografi kedua bekas Menteri Luar, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail yang berjudul *Tengku Ahmad Rithauddeen: My Life Revisited* di Kelab Golf Diraja Selangor di sini hari ini.

Baginda bertitah, buku tersebut berupaya menjelaskan tentang sejarah negara ini pada peringkat awal penubuhannya.

"Biografi ini bukan sahaja mengisahkan tentang Tengku Ahmad Rithauddeen pada usia mudanya, malah turut membantu para pembaca memahami sejarah negara ini," ti-

tah baginda ketika melancarkan buku berkenaan.

Sementara itu, Tengku Ahmad Rithauddeen dalam ucapannya berkata, biografi tersebut dihasilkan atas dorongan dan galakan beberapa kenalannya.

Menurut beliau, mereka menandatangani agar kisah-kisah yang tidak dimuatkan di dalam biografi pertama, *Tengku Ahmad Rithauddeen: His Story* dipaparkan untuk pengetahuan umum.

"Saya memang amat gembira dengan penerbitan biografi kedua ini," ujarnya.

Buku setebal 468 muka surat itu memaparkan pengalaman Tengku

Ahmad Rithauddeen semasa berkhidmat dalam institusi kehakiman dan sebagai Menteri Kabinet di bawah tiga Perdana Menteri iaitu Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn serta Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Tengku Ahmad Rithauddeen: My Life Revisited juga mengimbuai kembali kisah beliau semasa belajar di Pulau Pinang dan United Kingdom (UK) serta penglibatannya dalam bidang pendidikan, sukan dan sektor swasta.

Secara keseluruhan, buku tersebut menggambarkan kesungguhan Tengku Ahmad Rithauddeen dalam usaha memperkasakan generasi muda di negara ini.



TUANKU Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail melancarkan buku *Tengku Ahmad Rithauddeen: My Life Revisited* sambil diperhatikan oleh Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail (kanan) dalam majlis pelancaran autobiografi tersebut di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH